

10 SEP 1998

LEAD Mahathir-Sembahyang

MAHATHIR GESA ANGGOTA UMNO SEMBAHYANG HAJAT TENTUKAN KEBENARAN

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan beliau telah mengajak para anggota Umno mengadakan sembahyang hajat bagi menentukan kebenaran dalam kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kalau saya betul, okaylah. Kalau dia, dialah," kata beliau kepada pemberita sebagai merujuk kepada permintaannya yang dibuat pada perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin bahagian Umno di sini Selasa lepas.

Katanya, beliau tidak mengajak mereka mengadakan sembahyang hajat bagi menyokongnya.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas mengumumkan pelantikan firma perunding kewangan antarabangsa dari Amerika Syarikat, Salomon Smith Barney sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan, di sini.

Anwar dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas dan disingkir daripada Umno sehari selepas itu kerana dikatakan terlibat dalam kegiatan tidak bermoral termasuk hubungan seks haram.

Mengenai kemungkinan Anwar ditangkap, Dr Mahathir mengulangi bahawa polis sedang menjalankan siasatan dan beliau percaya apabila mereka mempunyai cukup bukti, mereka akan mengambil tindakan.

Diberitahu bahawa Anwar telah mencabar supaya dia dakwa segera di mahkamah agar dapat membela diri, Dr Mahathir berkata pada mulanya Anwar mendakwa dia tidak yakin kepada mahkamah tetapi kini lain pula.

"Ribuan penyokong berada di rumahnya ... dia cabar supaya orang buat kacau, jadi rusuhan," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada perkembangan berikutan pemecatan Anwar akan menjejaskan usaha Malaysia mendapatkan dana bagi pemulihan ekonomi, Perdana Menteri berkata beliau tidak percaya ia akan membawa kesan jangka panjang.

"Ia tidak menjejaskan persepsi orang terhadap Malaysia dalam jangka panjang," kata beliau.

"Rakyat biasa yang lain, jika ditangkap, mereka akan ditangkap dan tiada siapa yang menimbulkan masalah tetapi di sini, beliau dikelilingi oleh para penyokongnya, pelajar universiti dan beliau tahu bahawa polis tidak dapat melakukan sesuatu tanpa mencederakan mereka ini.

"Dan jika mereka (polis) mencederakan mereka, sudah tentu masyarakat akan berkata "lihatlah kekejaman polis." Sebenarnya tiada kekejaman polis," kata beliau.

Sebenarnya, Anwar menyebabkan sukar bagi polis untuk menjalankan tugasnya, kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada Anwar berada dalam tahanan di rumah, Dr Mahathir berkata bekas Timbalan Perdana Menteri itu sebenarnya ditahan oleh penyokongnya sendiri yang mengekorinya ke mana beliau pergi.

"Saya memberi jaminan bahawa jika anada hendak pergi ke mana-mana tempat di Malaysia, anda boleh berbuat demikian. Tetapi jika beliau mengheret kira-kira 1,000 yang cenderung menimbulkan masalah apabila tindakan undang-undang diambil ke atasnya, maka dalam erti kata yang lain, beliau telahpun ditahan oleh mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Anwar sekarang nampaknya telah hilang kebebasan.

"Beliau sendiri tidak mempunyai kebebasan. Beliau membuat keputusan supaya para penyokongnya mengelilingi beliau dan menjaganya di rumahnya," kata beliau.

Ditanya mengenai cabaran Anwar supaya beliau didakwa di mahkamah dengan segera supaya beliau boleh membela dirinya, Dr Mahathir berkata bekas

timbangan perdana itu kini sudah mengubah nadanya.

"Dahulu beliau berkata beliau tidak mempunyai keyakinan terhadap mahkamah... sekarang beliau mahu pergi ke mahkamah pula," katanya.

Beliau berkata Anwar mencabar pihak berkuasa ketika beliau dikelilingi oleh ribuan penyokong di rumahnya.

"Beliau membuat cabaran itu supaya orang ramai menimbulkan masalah, menyebabkan rusuhan," katanya.

Mengenai dakwaan Anwar bahawa beliau tidak lagi mendapat akses kepada media tempatan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu tentang perkara itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau fikir Anwar telah mendapat publisiti lebih daripada yang beliau sendiri perolehi.

"Dan sudah tentulah publisiti positif dalam media antarabangsa. Saya tidak pernah mendapat publisiti seperti itu," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir baru-baru ini berkata media asing "telah menulis perkara yang buruk mengenai beliau dan ini tidak adil sama sekali."

"Justeru itu, Saya berpendapat bahawa saya juga harus dikelilingi oleh para penyokongnya kerana serangan oleh media asing," kata beliau.

Ketika ditanya bagaimana perasaannya diserang oleh orang yang beliau didik untuk mengambil alih kepimpinan negara, Dr Mahathir berkata beliau juga telah "diserang" oleh bekas Timbalan Perdana Menteri yang lain sebelumnya.

"Itu perkara biasa, sebahagian daripada masalah yang ahli politik harus sedia menghadapinya," kata beliau.

Mengenai kehadiran beberapa pemimpin UMNO di rumah Anwar, Dr Mahathir berkata UMNO tidak melarang para pemimpinnya daripada melawat beliau.

"Tiada larangan. Jika mereka hendak pergi, mereka boleh berbuat demikian," kata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Ketika ditanya sama ada kehadiran mereka boleh dianggap sebagai menyokong Anwar, Perdana Menteri berkata: "Dua atau tiga orang, ya. Tetapi kita (UMNO) mempunyai 2,400,000 anggota. "Dua atau tiga orang tiada masalah. Mereka boleh berada di sana buat selama-lamanya.

Semasa ditanya berapa lama pihak berkuasa bercadang untuk membenarkan Anwar meneruskan ceramah politik di rumahnya, Dr Mahathir berkata ia dilakukan dalam konteks sistem demokrasi negara.

"Jika kita memberhentikannya, maka media terutama media asing akan berkata bahawa kita menindas. Justeru itu, kita membenarkannya. Ia adalah sesuatu yang kita harus benarkan jika percaya kepada demokrasi," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada perkembangan berikutan pemecatan Anwar akan menjejaskan usaha Malaysia mendapatkan dana bagi pemulihan ekonomi, Perdana Menteri berkata beliau tidak percaya ia akan membawa kesan jangka panjang.

"Ia tidak menjejaskan persepsi orang terhadap Malaysia dalam jangka panjang," kata beliau.

-- BERNAMA

ES SJ FAZ